

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (TRAGEDI KEBAKARAN)

TARIKH: 16 SEPTEMBER 2017

MUKA SURAT: 05

Pusat tahfiz diminta rujuk PBT

MELAKA 15 Sept. - Semua pusat tahfiz di negeri ini diseru mendapatkan nasihat daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) berhubung aspek kepatuhan pelan pembangunan.

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron berkata, beliau bimbang sekiranya tragedi yang berlaku di sebuah pusat tahfiz di Kuala Lumpur semalam boleh terjadi di negeri ini sekiranya pengusaha pusat tahfiz tidak mengambil berat aspek keselamatan.

"Selain itu, saya juga mahukan Jabatan Kesihatan dan Pekerjaan negeri, Jabatan Pendidikan daerah serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) untuk bersama-

sama menjalankan proses pemutihan terhadap pusat-pusat tahfiz yang ada di negeri ini.

"Mereka harus turun padang dan menyediakan laporan terperinci bagi setiap pusat tahfiz di Melaka supaya jika ada berlakunya kemalangan, sekurang-kurangnya kita sudah bersedia untuk berdepan dengan masalah yang timbul," katanya di sini hari ini.

Dalam pada itu, Idris mengumumkan sumbangan sebanyak RM10,000 daripada kerajaan negeri kepada Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah bagi membantu meringankan beban mereka dalam aspek pengurusan kebajikan.